

Permohonan Dow Jones 20 Mac

REUTERS 1 MAR 1999

Oleh Khirul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis – Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk P S Gill menetapkan 20 Mac ini untuk mendengar permohonan Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc dan empat lagi bagi membatalkan saman malu sebanyak RM200 juta yang dikemukakan Mirzan Mahathir berhubung artikel terbitan *The Asian Wall Street Journal* (AWSJ) yang didakwa memfitnahnya.

Permohonan pembatalan saman malu Dow Jones itu dikemukakan peguamnya, Datuk Muhammad Shafee Abdullah.

Saman malu terhadap Dow Jones dan empat yang

Batal saman malu RM200 juta oleh Mirzan Mahathir berhubung artikel bertajuk *Mahathir's eldest son limits ambitions*

lain difailkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini, menerusi Tetuan V K Lingam and Company pada Mac 1999.

Selain Dow Jones Publishing, penerbit dan pemilik AWSJ, turut dinamakan sebagai defendan adalah Pengarang AWSJ, Reginald Chua; Penerbit AWSJ, William Adamopoulos; wartawan AWSJ, G Bruce Knecht dan Dow Jones And

Company Inc. yang menerbitkan laman web, - <http://nrstg1s.djnr.com/cgi-bin/DJInteractive-Page>.

Mirzan mendakwa, artikel yang ditulis oleh Knecht bertajuk, *Mahathir's eldest son limits ambitions*, memfitnahnya.

Beliau mendakwa artikel itu, yang disiarkan bersama gambarnya, diterbitkan pada 4 Januari 1999 di muka depan akhbar berkenaan.

Selain menuntut ganti

rugi, Mirzan memohon perintah menghalang defendan daripada terus menerbitkan perkataan yang sama, memfitnahnya.

Dalam pernyataan tuntutannya, Mirzan yang juga Pengerusi Eksekutif

Kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) mendakwa, artikel itu bukan saja diterbitkan di Malaysia malah di Australia; Bangladesh; Brunei; China; Guam; Hong Kong; India; Indonesia; Jepun; Korea Selatan; Pakistan; Filipina; Singapura; Sri Lanka; Taiwan; Thailand dan Vietnam.

Katanya, artikel itu juga diterbitkan di laman web defendan kelima dan dapat diikuti sejumlah besar pengguna Internet.

Mirzan berkata, defendan sebelum itu juga menerbitkan artikel bertajuk, *Premier's son reins in business ambitions in Malaysia* pada 12 Mac 1998.

Katanya, artikel itu, yang juga disiarkan dalam Internet, didakwa memfitnahnya dengan menggambarkan cara dan tingkah lakunya menjalankan perniagaan.

Mirzan mendakwa artikel itu mempunyai maksud beliau membina empayar perniagaannya bukan atas kemampuan sendiri tetapi mendapat faedah daripada keistimewaan, nepotism dan pilih kasih.

Sehubungan itu, katanya, perasaan dan nama baiknya dalam perniagaan terjejas serta tercemar.

Katanya, Knecht juga tidak pernah memberitahunya ketika memembualnya pada 2 Disember 1998 untuk menulis artikel mengenainya secara peribadi dan hubungannya dengan Perdana Menteri.

Katanya, dalam temu bual itu juga Knecht tidak menyoal atau meminta sebarang penjelasan berhubung dakwaan fitnah yang ingin disiarkan oleh AWSJ.

Mirzan berkata, Knecht hanya memberitahunya bahawa beliau sedang menyelidik satu cerita beberapa syarikat besar, termasuk KPB.

Sehubungan itu, katanya, Knecht berniat jahat ketika memembualnya dan menerbitkan dakwaan yang memfitnahnya.